

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2014

SOALAN : 36

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan isu-isu penting dalam "*feasibility study*" dalam
kajian tenaga nuklear.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian Kemungkinan, atau dengan izin, *Feasibility Study*, untuk projek loji janakuasa nuklear dijadualkan siap pada tahun 2015. Kajian Kemungkinan ini sedang memperincikan perkara-perkara berikut:

- 1) Pertama, kajian risiko perundangan dan peraturan kawalseliaan terhadap pelaksanaan projek loji janakuasa nuklear. Perundangan dan peraturan kawalseliaan yang dikaji termasuk draf Rang Undang-Undang Kawalseliaan Tenaga Atom yang dicadangkan untuk menggantikan Akta Pelesenan Tenaga Atom (Akta 304) 1984, serta draf peraturan kawalseliaan yang telah disediakan untuk draf undang-undang ini. Draf Rang Undang-Undang ini dan peraturan kawalseliaan di bawahnya telah disediakan melalui Kajian Perundangan dan Kawalseliaan Tenaga Nuklear yang telah siap pada akhir tahun 2013.
- 2) Kedua, analisis daya maju projek kuasa nuklear sebagai salah satu campuran tenaga negara, atau dengan izin, *fuel mix*, untuk penjanaan kuasa elektrik, dari segi teknikal, kewangan, dan ekonomi.
- 3) Ketiga, analisis sumber dan kaedah pembiayaan projek loji janakuasa nuklear.
- 4) Keempat, penilaian teknologi loji janakuasa nuklear dan saiz keupayaan penjanaan elektriknya, berdasarkan maklumat yang

diperolehi daripada pembekal-pembekal loji janakuasa nuklear melalui, dengan izin, *Non-Disclosure Agreement* (NDA).

- 5) Kelima, penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear, atau dengan izin, *Nuclear Power Infrastructure Development Plan* (NPIDP).

Satu lagi perkara, iaitu kajian pemilihan tapak loji janakuasa nuklear masih ditangguhkan sehingga kajian pendapat umum terhadap penggunaan tenaga nuklear siap pada tahun 2015. Kajian pendapat umum ini bertujuan untuk mengenalpasti pendapat umum dan isu-isu yang dibangkitkan oleh mereka terhadap penggunaan tenaga nuklear. Hasil kajian ini akan digunakan untuk merangka program penyebaran maklumat yang menepati keperluan maklumat untuk disampaikan kepada masyarakat umum.

Kajian Kemungkinan yang komprehensif ini diperlukan sebagai asas yang kukuh untuk membuat keputusan mengenai penggunaan tenaga nuklear dan pelaksanaan projek loji janakuasa nuklear.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB [MACHANG]

TARIKH : 28 OKTOBER 2014, SELASA

SOALAN : 37

Minta MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH menyatakan sejauh manakah keberkesanan pelatih-pelatih yang mengikuti kursus di GIATMARA dapat menjana pendapatan yang sama taraf dengan orang berkemahiran yang mengikuti kursus di tempat pengajian tahap tinggi dalam melahirkan modal insan yang berkualiti di bidang kemahiran.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

GIATMARA memainkan peranan utama bagi menyediakan latihan kemahiran teknikal dan vokasional kepada belia Bumiputera di luar bandar dan bandar sebagai persediaan menjadi tenaga kerja mahir dan separa mahir serta usahawan teknikal bagi memenuhi keperluan industri negara.

GIATMARA menawarkan 55 kursus di bawah 12 jenis kluster iaitu Seni Bina, Mekanikal, Pengangkutan, Pembuatan, Elektrikal, *Computer & Networking Technology*, Elektronik/Mekatronik, Fabrik, Kulinari, *Hairdressing and Cosmetology*, *Creative Media & Printing* dan Hospitaliti.

GIATMARA juga menyediakan program-program keusahawanan untuk membantu para belia menjadi usahawan berjaya serta berdaya saing melalui program-program berikut:

- a. Inkubator** - Program ini bertujuan memberikan pendedahan awal dalam semua aspek keusahawanan kepada bekas pelatih GIATMARA.

Melalui program ini, para peserta akan menerima bantuan modal permulaan, pembelian peralatan dan premis perniagaan.

b.Kursus Pembentukan Usahawan Teknikal (PUTEK) – Program ini ialah transformasi guna tenaga pelatih/pelajar kemahiran lepasan Institusi Pendidikan MARA menjadi usahawan teknikal yang berjaya.

Kursus ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu:

- (i) Pembudayaan Keusahawanan - Kursus kepada pelatih GIATMARA sebagai pendedahan untuk menceburi dunia perniagaan.
- (ii) Pewujudan Keusahawanan - Kursus kepada pelatih Inkubator sedia ada yang berminat menceburi dan mendalami bidang keusahawanan.
- (iii) Peningkatan Keusahawanan – Kursus kepada usahawan lepasan GIATMARA yang menjalankan perniagaan bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam dunia perniagaan yang diceburi .

Melalui program inkubator yang dilaksanakan oleh GIATMARA dari tahun 2011-2013, seramai 4,233 orang usahawan baru telah dilahirkan dari kalangan bekas pelatih GIATMARA dan mereka berjaya menjana pendapatan yang sama taraf dengan orang yang mengikuti kursus di tempat pengajian tahap tinggi melalui aktiviti perniagaan yang dijalankan.